

13/04/1999

Laman Reformasi sebar fitnah

A Latiff Muda

MUNGKIN ketika surat ini disiarkan, sudah berlonggok-longgok ulasan, fitnah, berita palsu dan sebagainya memenuhi ruang Laman Reformasi mengenai 'kematian' Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi saya, ulasan atau apa juga bahan palsu selepas Berita Jam 6 di televisyen saluran satu pada 8 April 1999, sudah tidak relevan. Yang penting untuk diperkatakan ialah tiga berita palsu mengenai 'kematian' Dr Mahathir pada 6, 7 dan sebelum jam 6 petang, 8 April lalu.

Sebagai rakyat Malaysia yang bencikan fitnah dan tidak mahu lagi adanya berita palsu seperti ini, saya minta penyebar berita palsu seperti Mahazalim, wartawan Mediafiraun 2020, Ibrahim Baba (IB) atau sesiapa saja, hentikanlah kegiatan sedemikian.

Terus terang, saya adalah antara yang sering ke Laman Reformasi untuk yang terkini, tersensasi dan sebagainya tetapi sejak akhir-akhir ini, laman ini sudah melampau batas. Selepas menonton Berita Jam 6 di TV1, 8 April lalu (Khamis) saya begitu benci dengan Laman Reformasi kerana menyebarkan fitnah dan berita palsu mengenai kematian Dr Mahathir.

Malah, ketika menonton berita itu, saya sebenarnya ada di depan komputer dan kebencian saya terhadap laman ini semakin meluap-luap lebih-lebih lagi terpancang tajuk "Perhatikan tanda-tanda awal di sekitar ibu kota, jika benar Mahathir meninggal dunia daripada wartawan Media Mahafiraun 2020 di Kuala Lumpur."

Rakan Mahazalim dengan angkuh meminta pembaca laman (orang ramai) supaya memerhatikan betapa perkembangan di ibu kota Kuala Lumpur sebagai bukti bahawa Dr Mahathir sudah meninggal. Perkembangan itu termasuk:

- * Munculnya kumpulan pengawal polis yang ramai di beberapa tempat strategik: Sri Perdana; di No. 47 Jalan Damansara (kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri); ibu pejabat Umno dan istana negara;

- * Pertukaran pegawai rasmi tentera di istana negara yang digantikan dengan askar celoreng;

- * Keadaan berjaga-jaga di sekitar bangunan Parlimen;

- * Persediaan di bangunan Mahkamah Agung untuk membawa keluar ketua hakim negara mengadap Yang di-Pertuan Agong. Kereta rasmi sentiasa di hadapan bangunan, dan

- * Munculnya beberapa krew televisyen dalam dan luar negara di hadapan Institut Jantung Negara (IJN) Kuala Lumpur.

Saya tidak tahu tujuan sebenar rakan Mahazalim tetapi suatu perkara yang jelas ialah niat jahatnya seolah-olah mendoakan kematian Dr Mahathir. Bagi saya, adanya berita seperti ini di Laman Reformasi, ia sudah cukup membuktikan bahawa apa yang diperkatakan oleh gerakan itu tidak seiring tindakan.

Di manakah letaknya slogan untuk menegakkan keadilan di Laman Reformasi apabila laman ini tidak berlaku adil terhadap berita yang mereka paparkan?

Apakah adil bagi penyokong reformasi sekiranya ia menyebarkan berita berunsur fitnah dan palsu dengan mengatakan orang yang masih hidup sebagai sudah mati, lebih-lebih kepada Perdana Menteri kita sendiri? Reformasi bentuk apakah ini? Reformasi memperkenalkan fitnah?

Inilah kali pertama dalam sejarah negara ini di mana rakyat disogokkan dengan berita palsu paling serius. Lebih memburukkan keadaan ialah Laman Reformasi ini turut digunakan memaparkan berita mengenai kegiatan dan pendirian Pas. Apakah Pas yang menyeru kebaikan merelakan Laman Reformasi yang turut memaparkan lambang bulan mengambang penuh dipenuhi dengan

perkara-perkara yang bersifat cerca dan bersifat fitnah seperti ini?

Dengan bersekongkol seperti ini, Pas mencemarkan imejnya dan tidak lagi tahu membezakan antara kepentingan politik membuta tuli dengan kepentingan menegakkan kebenaran. Apakah bagi Pas, menyebarkan berita palsu seperti ini tidak berdosa? Apakah Pas merelakan dirinya terbabit dalam kegiatan jahat seperti ini? Kenapa Pas berdiam diri dan tidakkah fitnah dan cerca itu sama dengan membunuh?

Berita mengenai kematian Perdana Menteri ini sebenarnya tersebar luas apabila Laman Reformasi yang menggabungkan laman Pas Mahazalim, doimoi dan lain-lain mula menyiarkannya pada 6 April lalu.

Seharusnya, soal mati tidak dipermain-mainkan dan janganlah kerana sebab-sebab politik, perkara ini dianggap remeh. Mahazalim menyebut pada 6 April lalu: "...bahawa sehingga sekarang ini, 12.30 malam (7 April), Mahazalim masih menerima berita-berita mutakhir yang mengatakan bahawa Dr Mahathir sudah meninggal. Hanya tiga orang jururawat dan tujuh orang doktor pakar saja dibenarkan bertugas di wadnya."

Tidakkah terfikir oleh Mahazalim, perbuatannya itu boleh menyebabkan rakyat boleh berada dalam keadaan bercelaru dan penuh kebimbangan?

Tidakkah penyebar fitnah ini reti bahawa berita palsu adalah perbuatan terkutuk yang dilarang oleh Allah? Apakah bagi Mahazalim, dia seronok kerana dapat mempermainkan atau mencerca orang yang sedang sakit?

Rakan Mahazalim, Ibrahim Baba (IB), pun tidak kurang lancang cercanya melalui Laman Reformasi pada 7 April: Kata IB: "...sebenarnya petang tadi, malaikat maut datang lalu sebelah bilik PM dan menjenguknya. Malaikat warning kot-kot nak bertaubat kerana semasa di Makkah, beliau tidak sempat berbuat demikian."

Lebih teruk IB mencerca dengan mengatakan: "...orang kata PM ada membela hantu dan mengamalkan ilmu hitam. Dan orang yang sebegini susah nak mati. Walaupun mungkin roh sudah tidak ada, tetapi syaitan/iblis yang mendampingi orang sebegini akan mengabui mata orang yang melihat jasad itu seolah-olah orang itu masih hidup."

Malah, semua mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa Dr Mahathir sebenarnya tidak berada dalam keadaan seperti yang diwar-warkan mereka.

Oleh kerana itu, Laman Reformasi pada 8 April berdalih dengan cerca seterusnya apabila ia mengatakan Allah mengabulkan doa pemimpin parti pembangkang yang berhimpun di Kemensah Height malam sebelumnya. Saya sebenarnya bimbang dengan perkembangan cerca dan fitnah seperti ini.

Harapan ikhlas saya ialah jangan ada lagi berita karut, fitnah, cerca dan sebagainya yang dibuat oleh Mahazalim dan rakan-rakannya. InsyaAllah.